

08/08/2001

Globalisasi ekonomi mengikut Islam

Muhammad Shabri Abd Majid

ISLAM sebagai agama syumul, dilengkapi panduan hidup, al-Quran dan hadis yang menyeluruh. Islam tidak hanya mengatur aspek keagamaan semata-mata malah politik, budaya dan ekonomi.

Umat Islam mempunyai kedaulatan politik sendiri, tetapi mengapa kedaulatan ekonomi masih diragukan dan berada di bawah bayang-bayang kuasa asing?

Apakah kita lupa bahawa kita memiliki konsep perdagangan Islam sejak dulu lagi? Bukankah sejak 1,400 tahun lalu, Islam menyeru umatnya untuk bergerak aktif dalam dunia perdagangan.

Tulisan ini bertujuan memberi gambaran mengenai globalisasi ekonomi dalam perspektif Islam serta kesan dan cabaran yang bakal ditempuh umat Islam dalam globalisasi ekonomi.

Dalam kongres pembangunan ekonomi sedunia dan forum kepemimpinan Asia di Kuala Lumpur pada 28 Jun lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberikan gambaran cabaran yang harus dihadapi pada era globalisasi ini dengan berkata:

"Sekarang lebih banyak syarikat datang.... mereka datang sebagai entiti yang begitu besar selepas bergabung sesama sendiri.

"Mereka bukan saja ingin datang, malah mengambil alih industri kita. Oleh itu, kita tidak boleh bersaing dengan mereka yang beroperasi di seluruh dunia... inilah cabaran kita, kemunculan syarikat gergasi yang membimbangkan kita.

"Kita mengalu-alukan kedatangan mereka, tapi tolonglah jangan mendominasi."

Secara umumnya, mengikut Peter Stalker (1988), ada dua kesan globalisasi terhadap sistem ekonomi dunia, iaitu munculnya krisis keamanan ekonomi dunia dan berkonsentrasinya pergerakan modal ke negara maju sehingga negara kaya semakin kaya dan negara miskin semakin papa.

Keadaan itu menunjukkan bahawa kehadiran globalisasi menjejaskan ekonomi negara berkembang dan miskin yang majoriti penduduknya orang Islam.

Globalisasi menguntungkan negara maju. Dengan memanfaatkan segala kelebihan yang ada, mereka dengan mudah dapat menjana keuntungan di atas kelemahan negara miskin. Ini menyebabkan berlakunya ketidakseimbangan pembangunan dunia apabila negara maju akan semakin maju dan negara miskin semakin papa.

Konsep perdagangan sebagai isu utama globalisasi sudah lama diperkenalkan Islam. Sejak dulu lagi, Islam menyeru umatnya supaya unggul dalam semua bidang termasuk perdagangan.

Ini dapat kita lihat dari firman Allah yang bermaksud: "Kami (Allah) jadikan siang untuk mencari penghidupan." (Surah an-Naba, ayat 11). "Apabila ditunaikan solat, maka bertebaranlah di muka bumi dan carilah kurnia Allah..." (Surah al-Jumaah, ayat 10).

Kepentingan perdagangan dalam kehidupan umat dapat kita lihat dalam ungkapan Rasulullah saw dalam sabdanya yang menyebutkan bahawa: "Rezeki itu datangnya dari dua puluh pintu. Sembilan belas pintu untuk pedagang dan hanya satu pintu untuk mereka yang memiliki ketrampilan tangan."

Tetapi, mengapa kita sentiasa menjadi mangsa negara maju? Berikutan beratnya cabaran globalisasi ekonomi bagi umat Islam, kita perlu memiliki kesedaran untuk berusaha keras dan b bagi menguasai semua bidang kehidupan bagi melawan kuasa asing.

Tanpa kesedaran itu, usaha untuk melawan dan mengungguli kuasa asing

akan gagal.

Langit tidak pernah menurunkan hujan emas dan perak; dan "...sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum sehingga mereka mengubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri." (Surah ar-Raad, ayat 11).

Namun, dalam usaha untuk kepentingan dunia, umat Islam jangan sampai mengabaikan bahagiannya di akhirat kelak dengan menunaikan segala kewajiban agama. Keseimbangan di antara usaha mencari rezeki dengan usaha mencari rahmat Ilahi, jelas dirakam dalam ayat berikut yang bermaksud: "Hai orang yang beriman, apabila diseru untuk menunaikan solat pada hari Jumaat, maka bersegeralah kamu kepada mengingat Allah dan tinggallah jual beli.

"Yang demikian itu lebih baik bagimu jika kamu mengetahui dan kerana...apa yang ada di sisi Allah adalah lebih baik daripada permainan dan perdagangan..." (Surah al-Jumua, ayat 9 dan 11).

Dengan berpedoman kepada aturan Ilahi, al-Quran dan sunah, usaha kita sentiasa akan mendapat rahmat Allah sehingga dalam melakukan semua kegiatan ekonomi. Kita bukan saja dengan mudah dapat mengatasi kekuatan musuh Islam, bahkan mengatasi mereka.

Sejarah Islam membuktikan bahawa sebahagian besar penduduk Arab seperti disebutkan Somogyi (1962) adalah pedagang, banker dan broker. Begitu juga di Makkah, hampir semua penduduk yang bermastautin di sana adalah pedagang atau broker.

Begitu juga dengan Nabi Muhammad saw. Baginda adalah pemimpin kafilah dagang majikannya, Siti Khadijah yang kemudian menjadi isterinya. Demikian pula, Abu Bakar Siddiq, Uthman bin Affan dan Umar bin Khattab adalah pedagang kain dan pedagang jagung yang disegani.

Perdagangan kata Imam al-Ghazali adalah kegiatan yang melahirkan pertukaran pelbagai barang industri, sewa-menyewa binatang, pengembaraan dan aliran wang. Semua kegiatan itu memudahkan manusia memenuhi hajat hidup dan sekali gus meningkatkan kesejahteraan umat.

Seperti diperkatakan oleh Jaffrey Sachs (1998) bahawa globalisasi mengandungi unsur peluang dan cabaran. Ia seperti mata wang bersisi dua. Peluang ini berlaku antaranya disebabkan tingginya harapan bahawa pengeluaran domestik akan menjadi lebih berkesan akibat bebasnya pergerakan barang dan perkhidmatan, modal, buruh serta idea restruktif pada era globalisasi, era "dunia tanpa sempadan" atau pada era "dasar pintu terbuka".

Namun risiko yang besar boleh berlaku akibat persaingan bebas di peringkat antarabangsa. Dalam sebuah persaingan mesti ada pihak yang menang dan kalah. Akibat tidak mempunyai kemudahan dan insentif perdagangan, amat sulit bagi sesebuah negara membangun dan Islam untuk menyaingi, apatah lagi mengatasi ekonomi negara maju.

Hal ini dibuktikan dengan peningkatan eksport yang mendorong pertumbuhan ekonomi dan bebasnya pergerakan modal (bukan buruh) tidak pernah mengurangi sebarang kemiskinan di negara membangun dan miskin. Bagi umat Islam, terma globalisasi, sebenarnya, bukanlah perkara baru. Ini kerana Muslim adalah umat yang satu (ummah al-wahidah). Hal ini seperti dirakamkan Allah dalam tiga ayat berikut yang bererti:

"...Bagi tiap-tiap umat yang ada di antara kamu, Kami jadikan (tetapkan) suatu syariat dan jalan agama (yang wajib diikuti oleh masing-masing). Dan kalau Allah menghendaki nescaya, Dia menjadikan kamu satu umat (yang bersatu dalam agama yang satu), tetapi Dia hendak menguji kamu (dalam menjalankan) apa yang disampaikan kepada kamu..." (Surah al-Maidah, ayat 48).

"Dan jika Allah menghendaki, tentulah Dia menjadikan kamu satu umat (yang bersatu dalam agama Allah yang satu); akan tetapi Allah menyesatkan

sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut undang-undang peraturan-Nya) dan memberi petunjuk kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya..." (Surah an-Nahl, ayat 93).

Satu lagi ayat berkaitan bermaksud "Dan jika Allah menghendaki, tentulah Dia menjadikan mereka satu umat (yang bersatu dalam agama Allah yang satu); akan tetapi Allah (tidak merancang yang demikian bahkan Dia akan) memasukkan sesiapa yang dikehendaki-Nya ke dalam rahmat-Nya (menurut peraturan yang ditetapkan); dan orang yang zalim tidak ada baginya sesiapa yang dapat memberikan perlindungan dan pertolongan" (Surah asy-Syura, ayat 8).

Ayat "umat yang satu" jelas menunjukkan bahawa umat Islam adalah umat yang global, bersatu padu dan memiliki hubungan persaudaraan yang erat antara sesama Muslim di semua penjuru dunia tanpa memandang perbezaan warna kulit, suku, dan status ekonomi.

Hakikat ini diperakui oleh Teilhard de Chardin (1995) dalam bukunya yang bertajuk "The Phenomenon of Man" yang menyebutkan bahawa: "...semakin jauh dan dalam kita menatap persoalan dengan peralatan yang semakin canggih, semakin terasa bahawa kita semakin membaaur secara saling bergantung dengan setiap bahagian... semua di sekitar kita, sejauh mana mata memandang, alam semesta bersatu padu bersama, dan hanya satu cara yang mungkin untuk menimbangkannya iaitu untuk mengambilnya secara menyeluruh sebagai satu bahagian yang utuh."

Keterangan ini menunjukkan pula bahawa apabila umat Islam bersatu padu menghadapi cabaran dan kesan globalisasi, maka dengan mudah umat Islam dapat mengatasi cabaran globalisasi. Ketetapan bersatu padu dalam menghadapi musuh Allah jelas terakam dalam ayat berikut yang bererti: "Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan-musuhan (ketika jahiliah dulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang Islam yang bersaudara..." (Surah Ali Imran, ayat 103).